



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 2012**

---

**PELANTIKAN SYARIKAT BAGI KEMUDAHAN PERLINDUNGAN  
INSURANS KESIHATAN KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN  
AWAM YANG BERADA DI LUAR NEGARA  
ATAS URUSAN PERSENDIRIAN**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan berhubung dengan pelantikan syarikat penanggung insurans kesihatan bagi kemudahan perlindungan insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara atas urusan persendirian.

**PELANTIKAN SYARIKAT**

2. Kerajaan telah bersetuju untuk melantik syarikat **HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Sdn. Bhd.** sebagai syarikat penanggung insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara atas urusan persendirian. Sehubungan itu, **Lampiran C** di

perenggan 8, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2004 hendaklah merujuk kepada perenggan seperti berikut:

Kerajaan telah melantik syarikat **HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Sdn. Bhd.** sebagai syarikat penanggung insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara atas urusan persendirian untuk tempoh tiga (3) tahun mulai **23 Ogos 2012 hingga 22 Ogos 2015**. Skim perlindungan yang digunakan adalah *My Travelsafe*. Pembelian yang dibuat dalam tempoh tersebut untuk insurans kesihatan berkaitan skim perlindungan ini boleh dikemukakan kepada syarikat tersebut seperti alamat di bawah:

**HSBC AMANAH TAKAFUL (MALAYSIA) SDN. BHD.  
9<sup>TH</sup> FLOOR, NORTH TOWER  
MENARA HSBC  
NO. 2 LEBOH AMPANG  
50100 KUALA LUMPUR**

**TELEFON : 603-27110886  
FAKS : 603-27110887  
E-MEL : services@mytravelsafe.my**

3. Pelaksanaan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini juga terpakai bagi pegawai Perkhidmatan Awam yang berkhidmat di luar negara yang berada di negara ketiga atas urusan persendirian selaras dengan surat edaran JPA(S)187/20 Klt.7(39) bertarikh 30 November 2010 mengenai Pemanjangan Kemudahan Perlindungan Insurans Kesihatan Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Berkhidmat Di Luar Negara.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

4. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **23 Ogos 2012**.

## PEMAKAIAN

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

## PEMBATALAN

6. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2009 adalah **dibatalkan**.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**( DATUK FARIDA MOHD ALI )**

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

**15** Ogos 2012

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan